



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 NOVEMBER 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|------------------------------|----|
| - Terima tetamu tak diundang | 19 |
|------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - Risiko nahas maut penunggang motosikal | 27 |
| - Penduduk Melawati desak Azmin campur tangan | 06 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 NOVEMBER 2017 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Terima tetamu tak diundang
Muka Surat	19

SINAR HARIAN • RABU 22 NOVEMBER 2017
@ HUBUNDI SEKUTU AMPANG / HULU LANGAT ISMAIL- 019 3371003.

Terima tetamu tak diundang

Sidang media isu projek terbiar bertukar kecoh



Razman menunjukkan peta lokasi tapak cadangan pembinaan pusat konvensyen kepada media.

TAMAN MELAWATI – Sidang media penduduk di sini yang mahu membangkitkan isu sebuah projek pembangunan terbiar kecoh seketika, apabila sekumpulan individu yang mendakwa mereka sebagai pengawal keselamatan termasuk pemaju projek itu datang tanpa diundang.

Pengerusi Persatuan Penduduk Zon A,B,C Taman Melawati, Razman Hakimi Abdullah mendakwa, tetamu tak diundang itu kemudian menghampiri dan mengugutnya di hadapan wakil media.

"Mereka ugut saya dengan kata-kata kesat termasuk mereka akan cari saya dan keluarga saya," katanya.

Menurutnya, keadaan kembali tenang selepas sekumpulan anggota polis tiba ke lokasi untuk mengawal keadaan.

"Berikutan itu, saya dah buat laporan polis berhubung ugutan yang diterima. Ini semua untuk keselamatan diri dan keluarga," katanya.

Dalam pada itu, berhubung isu projek terbiar, Razman berkata, dia gusar jika projek berkenaan menimbulkan ancaman denggi kepada penduduk setempat.

"Penduduk turut mendedahkan projek ini sudah

INFO

- Projek berkenaan sudah berlarutan selama tiga tahun
- Penduduk kluatir projek itu memberi ancaman denggi kepada penduduk sekitarnya

tiga tahun dan proses pembinaan agak lambat. Kami dimaklumkan projek ini dijangka siap pada 2020.

"Kami bimbang jika masalah ni undang masalah kesihatan kepada masyarakat berdekatan.

"Kawasan perumahan di sini dipercayai lokasi panas denggi, kita kluatir jumlah mangsa denggi akan bertambah jika ia berlarutan," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, semakan di tapak projek itu mendapati memang terdapat kerja-kerja pembinaan.

"Status projek terbengkalai hanya boleh disahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Manakala isu pembayaran gaji pekerja pula bukan di bawah bidang

"Pemaju boleh buat penjualan setelah mendapat permit atau lesen pemaju perumahan dan permit idan dan jualan daripada KPKT," katanya.

Dalam kes berasingan, Razman menegaskan penduduk tetap membantah pembinaan pusat konvensyen di sini.

"Penduduk mahu pusat rekreasi bukan pembinaan pusat konvensyen," katanya.

MPAJ sebelum ini, tetap meneruskan cadangan pembinaan pusat konvensyen MPAJ di atas tapak rizab kemudahan awam berhampiran sebuah pusat membeli belah di Taman Melawati.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain memaklumkan pihaknya juga akan mengambil segala pandangan dan cadangan penduduk di kawasan itu.

Abd Hamid berkata, pihaknya telah turun padang berjumpa dengan wakil penduduk membentangkan mengenai cadangan dan mendapatkan pandangan mereka, baru-baru ini.

Sinar Harian difahamkan, pembinaan itu adalah satu kemudahan baharu untuk penduduk di mana kemudahan rekreasi atau riadah di sebahagian tapak terbiar.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 22 NOVEMBER 2017 (RABU)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Risiko nahas maut penunggang motosikal
Muka Surat	27

UTUSAN MALAYSIA • RABU 22 NOVEMBER 2017

UTUSAN KOTA 27

Jalan rosak teruk di ibu kota semakin membimbangkan

Risiko nahas maut penunggang motosikal

PERMUKAAN jalan yang tidak rata di Ukay Heights yang boleh mengundang nahas kepada penunggang motosikal terutama dalam musim hujan telah mengakibatkan ini.

JALAN TIDAK RATA

PENUTUP SALIRAN ROSAK

SIAPA PEDULI?

KUALITI TURAPAN RENDAH

info JALAN ROSAK

- > **Lokasi:** Persimpangan lampu isyarat AU4 Taman Keramat, Jalan Haji Salleh Kampung Baru, sekitar Ukay Heights
- > **Jenis kerosakan:** Berlubang, merekah, tidak rata, berlopak
- > **Punca rosak:** Projek pembinaan, faktor cuaca, laluan digunakan kenderaan berat
- > **Selain:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

REAKSI

TURAP SEGERA DEMI IMEJ BANDAR RAYA

"PIHAK berwajib perlu sentiasa peka dan melakukan pemantauan berkala. Jika ada kerosakan berlaku, segera balai dan jangan biarkan ia bertambah buruk sehingga merisikakan pengguna jalan raya."

HAMDI RISMAN
Lembah Pantai

"KEROSAKAN tersebut boleh menyebabkan roda dan rim motosikal menjadi bengkok. Kalau tidak berhati-hati boleh menyebabkan kemalangan serta mendatangkan trauma kepada pengguna terutama penunggang motosikal."

AHMAD ASYRANI ADNAN
Ampang

"SELAIN faktor cuaca yang acap kali hujan, kerosakan itu juga disebabkan laluan tersebut sering digunakan kenderaan-kenderaan berat yang memunggah barangan mereka ke lokasi pembinaan berdekatan. Masalah ini perlu ditangani dengan bijak."

ROSILINA AKIL
Petaling Jaya

TURAPAN baharu selepas korekan semula rosak sehingga mengakibatkan jalan berlopak dari arah persimpangan lampu isyarat AU4 Taman Keramat menghala ke arah Ukay Heights, Kuala Lumpur, baru ini.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 NOVEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Penduduk Melawati desak Azmin campur tangan
Muka Surat	06



BADRUL HISHAM SHAHRIN (kiri), Razman Hakimi Abdullah (dua dari kiri) dan Anuar Mohd. Nor menunjukkan projek perumahan yang lambat disiapkan di Taman Melawati, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

Penduduk Melawati desak Azmin campur tangan

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Penduduk Taman Melawati hari ini mendesak Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali supaya campur tangan menyelesaikan pembinaan projek kediaman mewah yang didakwa 'terbengkalai' selama hampir tiga tahun di kawasan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C, Razman Hakimi Abdullah berkata, sehingga ke saat ini pihaknya masih belum menerima sebarang maklum balas daripada pihak berkaitan.

"Kita sudah berjumpa dengan wakil Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) namun tiada sebarang maklum balas diterima sehingga ke saat ini. Malah, kami juga sedia berjumpa dengan Menteri Besar (Azmin) selaku Ahli Parlimen Gombak di kawasan ini serta wakil pemaju bagi bersama-sama menyelesaikan isu ini.

"Perkara ini dibimbangi kerana kawasan projek terbengkalai itu boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk selain mencacatkan pemandangan di sana. Malah, pemaju projek (TS Land) tidak mempamerkan tarikh permulaan

kan pelbagai persoalan kepada penduduk di sini," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas dibawa melawat ke tapak projek berkenaan.

Lawatan selama hampir dua jam itu bertukar menjadi kecoh apabila beberapa penduduk dan wakil tidak rasmi pemaju tidak berpuas hati dengan kehadiran pihak media.

Malah, wakil berkenaan turut bertengkar dengan beberapa wartawan sehingga timbul sedikit ketegangan yang berjaya diselesaikan dengan kehadiran pihak polis.

Turut hadir Pengasas Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shahrin dan wakil penduduk berkenaan.

Dalam pada itu, usaha pihak media mendapatkan reaksi pemaju berhasil apabila wakil pengurusan projek yang enggan dikenali tampil memberi kenyataan.

"Projek perumahan kita bukan terbengkalai dan berhenti begitu sahaja tetapi agak perlahan sedikit kerana masalah teknikal